



Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 7(39)
Tarikh : 23 Jamadilakhir 1445H
: 5 Januari 2024M

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri,
Jabatan Kehakiman Syariah/ Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

ARAHAN AMALAN NO. 1 TAHUN 2023

TATACARA PENUKARAN ATAU PELEPASAN


PEGUAM SYARIE JABATAN BANTUAN GUAMAN (JBG)/ PEGUAM PANEL JBG

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 30 Rabiulakhir 1445H - 2 Jamadilawal 1445H bersamaan 14hb – 16hb November 2023M di Hotel Dorsett, Wilayah Persekutuan Labuan yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Tatacara Penukaran atau Pelepasan Peguam Syarie Jabatan Bantuan Guaman (JBG)/ Peguam Panel JBG sepertimana yang berikut:

1. Permohonan penukaran atau pelepasan Peguam Syarie JBG/ Peguam Panel JBG hendaklah dimulakan oleh anak guam JBG dengan memfailkan Borang MS 6 (Notis Penukaran Peguam Syarie) atau MS 7 (Notis Pelepasan Peguam Syarie) Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara *Ma/* Mahkamah Syariah Negeri.
2. Borang MS 6 atau MS 7 tersebut hendaklah disampaikan oleh anak guam JBG kepada Peguam Syarie JBG/ Peguam Panel JBG dalam tempoh tidak kurang dua hari sebelum tarikh sebutan/ pendengaran. Penyampaian borang-borang tersebut hendaklah dibuktikan melalui affidavit penyampaian.

3. Peguam Syarie JBG/ Peguam Panel JBG hendaklah memfailkan Borang III (Pemberitahuan Pembatalan Perakuan Bantuan Guaman) Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman 2017 ke mahkamah.
4. Mahkamah perlu meneliti Borang MS 6 atau MS 7 berserta Borang III yang difailkan dan setelah berpuas hati, boleh meluluskan permohonan tersebut.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.



(DATO' HAJI MOHD AMRAN BIN MAT ZAIN)
Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA